

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	20 August 2015

Kebebasan perlu ada had – Dr. Mahathir

UM - 20/8/2015

PARIT 19 Ogos - Hari ini kebebasan yang dipromosikan Barat memperlihatkan sesuatu yang 'tidak betul' dan perlu batasannya.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menegaskan demikian kerana tidak mahu wujud situasi tidak stabil dalam kalangan masyarakat berikutan amalan kebebasan oleh rakyat, sebagaimana berlaku di negara-negara Barat.

Katanya, apabila rakyat berasa bebas untuk melakukan apa sahaja, mereka akan cenderung mengabaikan adat, tradisi serta budaya yang menjadi identiti selama ini sehingga apa dilakukan perlu berpandu kepada kehendak untuk kebebasan.

Menurutnya, di Barat umpamanya, gambaran kebebasan terbesar pada hari ini ialah perkahwinan sesama jantina, lelaki kahwin lelaki, perempuan kahwin perempuan dan sekiranya terlalu mengikuti 'istilah' kebebasan tersebut, kemungkinan satu hari nanti berlaku di negara ini.

"Seperti kebebasan akhbar, apabila majalah di Perancis, *Charlie Hebdo* membuat keputusan menghina nabi umat Islam, apa yang berlaku? Mereka ditembak dan dibunuh akibat tindakan itu. Mereka (*Charlie Hebdo*) mendakwa bebas untuk menyatakan apa yang disukai."

"Ada sesuatu yang tidak kena dengan kebebasan hari ini. Perlu ada had pada kebebasan kerana kita tidak mahu masyarakat menjadi tidak stabil disebabkan amalan kebebasan oleh orang ramai," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan syarahan perdana bertajuk *Sosial Evolution Malaysia: What's Next?* di Universiti Teknolo-



DR. MAHATHIR MOHAMAD (kiri) diiringi Abdul Rahim Hashim melancarkan buku bertajuk *A gift of hope* semasa syarahan perdana bertajuk *Sosial Evolution Malaysia: What's Next?* di UTP, Seri Iskandar, Perak, semalam. - BERNAMA

gi Petronas di sini hari ini.

Yang turut hadir, Naib Canselor UTP, Datuk Ir. Dr. Abdul Rahim Hashim.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir mengingatkan bahawa tidak semua yang dipromosikan oleh Barat adalah baik dan berguna kepada pembangunan masyarakat di Malaysia.

Katanya, semua pihak perlu bijak menentu dan memilih 'budaya' yang baik dari Barat dan menolak perkara-perkara yang tidak elok.

"Sekiranya kita mahukan evolusi kemasyarakatan yang baik untuk Malaysia pada masa hadapan, kita perlu bijak memilih, apa yang baik

dari Barat kita ambil, yang tidak baik kita tolak," jelas beliau.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir memberitahu, perhatian perlu dibagikan kepada negara-negara di Timur seperti Jepun, Korea dan China yang disifatkan beliau telah 'menjangkau' negara-negara Barat.

"Kita tidak seharusnya melihat kepada Barat sahaja, tetapi memandang juga kepada negara-negara Timur. Pilih amalan yang baik dari Barat, serta budaya yang baik dari Timur, gabung, amalkan dan saya percaya kita mampu melahirkan masyarakat yang berjaya pada masa hadapan," ujar beliau.